

05 MAY 1999

PARLIMEN: DUA PROJEK SWASTA DITAWARKAN KEPADA MIRZAN DAN MOKHZANI MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Sebanyak dua projek telah diswastakan dan masing-masing ditawarkan kepada Mirzan Mahathir dan Mokhzani Mahathir, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Beliau berkata projek berkenaan ialah pengambilan 51 peratus ekuiti dalam Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd (PNSL) oleh Konsortium Perkapalan Bhd daripada PERNAS, pada harga RM103.78 juta.

Mirzan Mahathir memiliki secara efektif 49.49 peratus ekuiti dalam Konsortium Perkapalan Berhad, kata Fauzi menjawab soalan bertulis Datuk Seri Anwar Ibrahim (Bebas-Permatang Pauh) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Anwar dalam soalnya meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan jumlah dan kos penswastan yang diluluskan untuk syarikat-syarikat kepunyaan anak-anaknya.

Fauzi berkata penswastan perkhidmatan sokongan hospital bagi kawasan Selatan diberikan kepada Tongkah Medinvest Sdn Bhd.

Mokhzani Mahathir memiliki 13.19 peratus ekuiti dalam Tongkah Holdings Berhad, yang memegang 51 peratus ekuiti dalam Tongkah Medinvest Sdn Bhd, katanya.

-- BERNAMA

HS RI